

TERMA DAN SYARAT KHUSUS UNTUK AKAUN PRIMEWIN

(Tarikh Berkuatkuasa: 15 Oktober 2019)

Terma dan Syarat Khusus ("T&S") yang dinyatakan di sini adalah terpakai bagi kesemua Akaun PrimeWin berdasarkan konsep Syariah *Tawarruq* yang ditawarkan oleh pihak Bank.

T&S ini hendaklah dibaca bersama T&S Am bagi Akaun Semasa-i dan Akaun Simpanan-i ("CASA-i"), T&S Khusus bagi CASA-i berdasarkan konsep *Tawarruq* dan lain-lain T&S berkaitan yang dikenakan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa dengan memberikan notis terlebih dahulu, dan sebarang peraturan dan peraturan lain yang mengikat Bank.

Semua definisi yang digunakan dalam T&S Am bagi CASA-i dan T&S Khusus untuk CASA-i berdasarkan *Tawarruq* hendaklah mempunyai makna yang sama apabila digunakan dalam T&S untuk PrimeWin CASA-i ini.

1.0 DEFINISI

Untuk tujuan T&S yang tertakluk ke atas semua Akaun PrimeWin ini, perkataan dan ungkapan berikut hendaklah mempunyai maksud yang dikhususkan ke atas mereka melainkan jika konteksnya menghendaki maksud yang lain:

'Akaun' bermaksud akaun atau CASA-i para Pemegang Akaun yang dibuka dan diselenggarakan dengan Bank yang mana tertakluk oleh T&S Am untuk CASA-i.

'Bank' bermaksud MBSB Bank Berhad (716122-P), termasuk hak terdahulu, pengganti hak milik dan penerima serah hak.

'PrimeWin' bermaksud produk deposit iaitu CASA-i yang ditawarkan oleh pihak Bank berdasarkan konsep Syariah *Tawarruq*. Produk-produk ini akan ditadbir oleh T&S ini dan T&S Khusus untuk CASA-i berdasarkan *Tawarruq*.

2.0 MAKLUMAT PRODUK

2.1 Akaun PrimeWin adalah berdasarkan konsep Syariah *Tawarruq* di mana kadar keuntungan dimaklumkan kepada Pemegang Akaun terlebih dahulu. Pemegang Akaun juga berpeluang untuk memenangi hadiah dengan menyertai Cabutan PrimeWin yang diadakan secara bulanan, suku tahunan dan cabutan utama.

2.2 Produk ini dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit dan tertakluk kepada versi terkini Garis Panduan PIDM dan termasuk apa jua pindaan berkanun atau penubuhan semula.

3.0 KELAYAKAN

3.1 PrimeWin terbuka kepada semua Pemegang Akaun yang baru dan sedia ada seperti berikut:

i. Individu
Warganegara Malaysia, Pemastautin Tetap atau bukan Pemastautin, sama ada akaun individu, bersama atau amanah (hanya terpakai untuk Akaun Simpanan-i);

ii. Bukan individu
Badan-badan, kelab-kelab, persatuan-persatuan, sekolah-sekolah, pemilik tunggal atau rakan kongsi.

3.2 Pekerja Bank sama ada tetap / kontrak dan ahli keluarga terdekat mereka (iaitu anak-anak, suami/isteri) boleh membuka produk ini, namun TIDAK layak menyertai Cabutan PrimeWin.

3.3 Minima RM100 diperlukan untuk pembukaan Akaun Simpanan PrimeWin-i dan RM1,000 untuk Akaun Semasa PrimeWin-i.

4.0 CABUTAN HADIAH

4.1 Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Khusus untuk Cabutan PrimeWin.

5.0 HADIAH

5.1 Senarai hadiah akan dipaparkan di laman web Bank di www.mbsbbank.com dan tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.

5.2 Jumlah wang tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun PrimeWin pemenang dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja dari tarikh pengumuman oleh pihak Bank.

5.3 Hadiah tidak termasuk sebarang kos-kos sampingan lain contohnya caj pengangkutan dan sebagainya, melainkan dinyatakan secara nyata dalam T&S ini (jika ada). Pemegang Akaun bertanggungjawab sepenuhnya untuk sebarang cukai dan/atau duti yang kena dibayar berkaitan dengan hadiah termasuk menebus, menerima atau menggunakan hadiah, jika ada.

6.0 AM

6.1 T&S ini tertakluk ke atas semua Akaun PrimeWin yang dibuka dan diselenggara oleh Pemegang Akaun dengan Bank. Dengan membuka, menyelenggara dan menggunakan Akaun, Pemegang Akaun disifatkan telah membaca, memahami dan menerima setiap terma dan bersetuju untuk terikat oleh T&S ini dan sebarang keputusan yang dibuat oleh pihak Bank.

6.2 Pihak Bank berhak untuk menggunakan nama dan/atau gambar pemenang dan maklumat lain untuk tujuan pengiklanan dan promosi.

6.3 Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kecederaan, kehilangan atau kerosakan yang terhasil daripada penubuhan atau penggunaan Hadiah yang ditawarkan.

6.4 Tertakluk kepada peraturan dan prinsip Syariah, pihak Bank mempunyai budi bicara mutlaknya untuk mengubah, menghapus atau menambah mana-mana T&S yang terkandung di sini secara keseluruhan atau sebahagiannya dengan memberi sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari notis awal. Bank boleh memberi notis atau komunikasi tersebut melalui apa-apa cara yang difikirkannya sesuai termasuk melalui pos, melalui pemberitahuan di media massa, dengan menyiarkan notis di cawangan Bank, dengan memasukkan notis ke dalam penyata akaun berkala, dengan penghantaran elektronik (termasuk melalui faksimili, e-mel, telefon bimbit, peranti lain atau internet) atau dengan memaparkan di laman web Bank atau di ATM atau terminal lain di bawah kawalan Bank atau dengan cara komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh pihak Bank.

6.5 Pemegang Akaun dinasihatkan untuk melayari laman web Bank dari semasa ke semasa untuk melihat T&S dan memastikan sentiasa mengetahui sebarang pertukaran atau perubahan kepada T&S.

6.6 Semua T&S di dalam ini adalah tertakluk dan akan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan prinsip Syariah dan Pemegang Akaun bersetuju untuk terikat dengan bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Malaysia.

Jika terdapat sebarang pertikaian atau percanggahan di antara teks Bahasa Inggeris dan terjemahan Bahasa Malaysia ini, maka teks Bahasa Inggeris akan diterima pakai.

[Tamat]